

MEKANISME I-CSR SEBAGAI MEDIUM KELESTARIAN KEWANGAN GOLONGAN MISKIN RENTAN

Norajila Che Man^{a*}, Mohd Faizal P. Rameli^b, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh^c

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari, norajila@uitm.edu.my

^bAkademi Pengajian Islam Kontemporari, faizal061@uitm.edu.my

^cAkademi Pengajian Islam Kontemporari and wanno561@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
19/08/2022
Received in revised form:
05/09/2022
Accepted:
06/09/2022
Available online:
07/09/2022

Keywords:
CSR ;
i-CSR ;
miskin rentan;
perbankan islam

Abstrak

Miskin rentan merujuk kepada golongan individu yang menjadi miskin secara tiba-tiba tanpa mereka bersedia menghadapinya. Kemiskinan rentan boleh berlaku disebabkan hilang punca pendapatan disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi kerana pandemik atau bencana. Oleh itu, perlunya mekanisme yang mapan bagi mencapai matlamat kebajikan sosial dan kesejahteraan ekonomi untuk golongan ini. Pembentukan mekanisme i-CSR yang mapan dan holistik mampu menterjemahkan matlamat inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-Based Intermediation-VBI) oleh Bank Negara bagi memacu fungsi dan potensi perbankan Islam ke peringkat yang lebih tinggi di samping membantu kerajaan mencapai matlamat 1 SDG 2030 iaitu pembasmian kemiskinan. Bagi mencapai matlamat kelestarian kewangan golongan miskin rentan, kajian ini dilakukan untuk (i) menyiasat mekanisme CSR yang digunakan dalam perbankan Islam di Malaysia dan (ii) menganalisis potensi mekanisme i-CSR dalam membantu golongan miskin rentan mendapatkan pembiayaan dari perbankan Islam. Kajian ini mengadaptasi kaedah kajian eksplorasi melalui kaedah temu bual dan analisis kandungan kajian terdahulu bagi memahami konsep CSR dan i-CSR. Kaedah temu bual dilakukan terhadap informan yang berautoriti dalam mengupas persoalan mengenai CSR dan i-CSR. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan pembentukan mekanisme i-CSR yang standard untuk perbankan Islam di Malaysia mampu merealisasikan agenda pertama Matlamat Pembangunan Mapan 2030 (Sustainable Development Goals-SDGs) iaitu menghapuskan segala bentuk kemiskinan melalui pemeraksanaan pembiayaan mikro untuk golongan miskin rentan.

I-CSR MECHANISM AS MEDIUM OF FINANCIAL SUSTAINABILITY FOR VULNERABLE GROUP

Abstract

Vulnerable group refers to a class of individuals who suddenly become poor without them being willing to face it. Vulnerable group can occur due to loss of income resulted from economic uncertainty. Therefore, there is a need for a sustainable mechanism to achieve the goals of social welfare and economic well-being for this group. The establishment of a sustainable and holistic i-CSR mechanism can translate the goals of Bank Negara's Value-Based Intermediation-VBI initiative to drive the functions and potential of Islamic banking to a higher level while helping the government achieve the goal of 1 SDG 2030 which is poverty eradication. To achieve the financial sustainability goals of the vulnerable group, this study was conducted to (i) investigate the CSR mechanisms used in Islamic banking in Malaysia and (ii) analyze the potential of the i-CSR mechanism in helping the vulnerable group obtain financing from Islamic banking. This study adapts the method of exploratory study through interview methods and content analysis of previous studies to understand the concepts of CSR and i-CSR. The interview method conducted on informants with authority in discussing matters on CSR and i-CSR. The findings show that the formation of a standard i-CSR mechanism for Islamic banking in Malaysia can realize the first agenda of the Sustainable Development Goals 2030 (Sustainable Developments Goals-SDGs) which is to eliminate all forms of poverty through the empowerment of microfinance for the vulnerable poor.

Keywords: CSR, i-CSR, vulnerable group, Islamic banking

PENGENALAN

Golongan rentan (*vulnerable group*) merujuk kepada golongan yang terdiri daripada wanita, warga emas, orang kelainan upaya (oku), orang miskin, belia, pelarian atau imigran sebagaimana dinyatakan dalam United Nation Electronic Government Development Index Survey (UNEG-DI). Golongan isi rumah rentan atau miskin rentan merupakan istilah baru yang digunakan bagi menggambarkan keadaan atau status seseorang yang berubah daripada mampu kepada tidak mampu tanpa mereka bersedia menghadapinya. Fenomena kemiskinan ini boleh berlaku ke atas penduduk di bandar, pinggir bandar atau luar bandar (Wan Noor Hayati, 2019). Warga kota lebih mudah terdedah dengan kemiskinan rentan. Bahkan di bandar-bandar besar golongan rentan ini besar kerana merangkumi golongan B40 dan sebahagian M40. Dalam erti kata yang lain, warga kota lebih mudah untuk jatuh miskin kerana pengukuran kemiskinan tidak hanya terhad kepada kuasa beli atau keperluan asas bakul makanan sahaja, bahkan merangkumi pelbagai dimensi yang berkaitan dengan kehidupan seperti kualiti hidup, pendidikan berkualiti, perumahan, kesihatan, akses maklumat, rekreasi dan kesejahteraan hidup keseluruhannya (Nazarali, 2021). Warga kota yang mempunyai kemampuan ekonomi sederhana berisiko tinggi untuk masuk ke kategori miskin bandar dan miskin rentan disebabkan ketidakmampuan golongan ini menyediakan simpanan yang mencukupi untuk situasi luar jangka.

Situasi pandemik yang melanda dunia serta bencana alam yang menimpa negara ketika ini telah menyumbang kepada peningkatan golongan miskin rentan. Sebelum pandemik melanda dunia, antara faktor yang menyebabkan golongan miskin rentan ini wujud ialah peningkatan kos sara hidup, diberhentikan kerja, kesihatan terjejas dan hilang upaya untuk bekerja. Penularan wabak COVID-19 telah memburukkan lagi keadaan. Lebih ramai pekerja hilang pekerjaan dan sumber pendapatan disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi yang berlaku. Prof Dr Laily Paim, Pakar Ekonomi Penggunaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), menyatakan bahawa kesan sosial terhadap isi rumah rentan adalah lebih besar disebabkan ketidaksediaan mereka menjadi miskin berbanding golongan yang sedia miskin atau miskin tegar (Wan Noor Hayati, 2019). Antara usaha yang boleh dilakukan bagi mengatasi isu miskin rentan ini ialah dengan mengeluarkan mereka dari kemiskinan melalui program dan bantuan yang bersesuaian. Aktiviti perniagaan

dan keusahawanan berupaya mengeluarkan seseorang individu dari kancan kemiskinan. Aktiviti perniagaan memainkan peranan yang besar dalam membasmi kemiskinan kerana dapat memberi peluang kepada golongan miskin dan kurang berkemampuan menjadi pekerja, pengeluar atau pengguna (Norhidayati, 2017). Program yang berorientasikan keusahawanan dan aktiviti perniagaan dapat membantu golongan miskin rentan menambahkan pendapatan hingga akhirnya mereka berjaya keluar dari kemiskinan. Inisiatif kerajaan bagi membantu golongan miskin rentan boleh membantu kelangsungan hidup golongan ini. Namun bantuan yang diberikan perlulah bersesuaian dan tidak hanya dalam bentuk wang tunai bagi memastikan kelestarian bantuan tersebut kepada golongan ini (Mahaizura, 2021). Bantuan yang lebih holistik dan produktif akan memberi manfaat kepada pelbagai kelompok pemegang taruh secara lebih lestari dan mapan.

Selain itu, pengenalan Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030) pada 2015 telah menarik perhatian pemegang taruh utama pasaran kewangan tempatan dan dunia kepada idea menyediakan perkhidmatan yang mapan dan berkesan kepada masyarakat. Penyediaan perkhidmatan ini akan memberi kesan bukan hanya kepada kesejahteraan sosial bahkan meningkatkan ekonomi, pendidikan dan alam sekitar rakyat (Nur Farhah, Nor Razinah, & Engku Rabiah Adawiyah, 2019). Industri kewangan Islam di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menyediakan aktiviti-aktiviti yang dinamik seiring dengan SDG ini. Malah, matlamat yang ingin dicapai dalam inisiatif SDG selari dengan maqasid syariah. Namun, berbeza dengan SDG, objektif maqasid syariah adalah lebih luas dan berakar umbi kepada ajaran Islam.

Sehubungan dengan itu, pada 2017, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan satu pendekatan baru dalam memacu perkembangan sistem kewangan Islam yang lebih mapan iaitu Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value Based Intermediation-VBI*) yang lebih menggambarkan inti pati sebenar kewangan Islam (Nur Farhah et al., 2019). Melalui inisiatif VBI, institusi kewangan Islam digalakkan untuk menggunakan kerangka kerja yang lebih berstruktur dalam mewujudkan nilai dan impak terutamanya dalam ruang lingkup ekonomi, sosial dan alam sekitar (The Star, 2019). Pendekatan VBI memerlukan institusi kewangan Islam terutamanya perbankan Islam memmanifestasikan empat prinsip VBI dalam strategi perniagaan mereka iaitu i. minda keusahawanan (*entrepreneurial mindset*) ii. Pemerksaan komuniti (*community empowerment*) iii. Tadbir urus sendiri yang baik (*good self governance*) dan iv. pelaksanaan terbaik (Rusni & Fatimah, 2019). Matlamat minda keusahawanan dalam teras VBI adalah untuk meningkatkan penglibatan perbankan Islam dalam memudahkan aktiviti keusahawanan melalui penawaran holistik, termasuk pembiayaan dan sokongan proaktif melalui, sebagai contoh, memberi nasihat, menyediakan infrastruktur pasaran, serta mewujudkan rangkaian perniagaan (Bank Negara Malaysia, 2018). Perbankan Islam akan lebih berinovatif dalam menyediakan produk, alat dan model perniagaan bagi menyokong para usahawan di bawah teras ini (Rusni & Fatimah, 2019). Pelaksanaan CSR di bawah kerangka kerja VBI akan lebih bersifat holistik dan memberi nilai tambah kepada perbankan Islam.

Pelaksanaan CSR merupakan sebahagian daripada pendekatan VBI oleh institusi perbankan. Pelaksanaan CSR oleh bank tidak lagi hanya tertumpu kepada aspek sumbangan dan derma sahaja, namun perlu lebih proaktif efektif. Walaupun bank Islam di Malaysia aktif dalam melaksanakan program dan inisiatif CSR namun tahap amalan CSR di bank Islam masih belum mencukupi dan berbeza dengan objektif yang digariskan oleh ekonomi Islam (Fatimah Noor Rashidah & Rusnah, 2016). Kebanyakan bank Islam masih menumpukan aktiviti CSR dalam bentuk sumbangan sedangkan konsep CSR adalah lebih luas dan tidak bersifat material semata-mata. Pelaksanaan CSR bukan sekadar untuk menyalurkan dana yang bersifat sosial tetapi juga untuk tujuan agihan kekayaan sehingga dapat mewujudkan pemilikan bersama kekayaan antara

pemegang taruh (Ali Syukron, 2015). Bagi menambah nilai dalam pelaksanaan CSR supaya lebih selari dengan matlamat ekonomi Islam, perbankan Islam boleh membantu golongan miskin rentan melalui mekanisme i-CSR. Penyediaan produk-produk dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan golongan ini merupakan tanggungjawab sosial yang digalakkan (*recommended CSR*) yang boleh dilaksanakan oleh bank Islam. Sarjana Islam seluruh dunia telah membahaskan bahawa keadilan sosial, kesaksamaan dan agihan semula pendapatan dan pembasmian kemiskinan boleh dicapai melalui instrumen zakat, wakaf dan Qard al-Hasan (Lukman, Ashok, & Ismail, 2014). Melalui pelaksanaan CSR, semua pemegang taruh mempunyai peluang untuk memiliki kekayaan melalui aktiviti-aktiviti CSR yang bersifat progresif dan holistik.

Pembentukan mekanisme i-CSR oleh bank Islam adalah selari dengan teras VBI yang berasaskan prinsip fardu kifayah dalam Islam. Setiap Muslim perlu mempunyai rasa kebertanggungjawaban terhadap masyarakat sesuai dengan ajaran Islam. Prinsip ini membenarkan setiap individu memiliki harta secara adil dan saksama tanpa eksploitasi dari mana-mana pihak. Dalam hal ini, perbankan Islam memainkan peranan penting dalam mewujudkan impak ekonomi mapan secara sosial (*socially sustainable economic impact*) kepada masyarakat dengan mempertimbangkan aspek komersial dan sosial secara seimbang (Rusni & Fatimah, 2019). Penawaran produk pembiayaan yang bersesuaian dengan golongan miskin rentan dapat membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Situasi pandemik yang melanda negara dan dunia secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan kemiskinan dalam negara. Ramai yang terjejas disebabkan oleh penutupan sementara ekonomi akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan semenjak Mac 2020. Walaupun negara semakin menghampiri fasa endemik, namun kesan yang ditinggalkan oleh COVID-19 masih belum pulih sepenuhnya selepas dua tahun pandemik berlaku. Berdasarkan perangkaan, jumlah pengangguran di Malaysia pada suku pertama 2022 ialah seramai 671.2 ribu orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Walaupun berlaku penurunan dari tahun sebelumnya, jumlah pengangguran tersebut relatifnya masih tinggi dan menyumbang kepada peningkatan golongan miskin rentan.

Sehubungan dengan itu, bank Islam diharapkan dapat menyediakan produk-produk pembiayaan yang dapat memenuhi keperluan kewangan masyarakat dalam memastikan maqasid Syariah tercapai. Pembentukan mekanisme i-CSR dalam perbankan Islam menjadi satu cara bank Islam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka secara holistik dan mapan. Penawaran produk yang bersesuaian untuk golongan miskin rentan oleh institusi perbankan Islam boleh membantu kerajaan dalam mencapai matlamat Model Baru Ekonomi iaitu peningkatan kualiti hidup rakyat melalui peningkatan pendapatan (berpendapatan tinggi), peluang yang saksama kepada semua komuniti masyarakat untuk beroleh manfaat ekonomi negara (keterangkuman) dan kelestarian hidup jangka panjang (kemampuan). Pembentukan mekanisme i-CSR untuk membantu golongan miskin rentan ini juga adalah sebahagian daripada matlamat yang ingin dicapai dalam SDGs 2030 iaitu pembasmian segala bentuk kemiskinan di pelbagai peringkat dan tempat.

Kertas kerja ini difokuskan kepada pembentukan mekanisme i-CSR oleh perbankan Islam di Malaysia. Terdapat tiga bahagian utama kertas kerja ini iaitu sorotan kajian lepas, metodologi kajian dan dapatan kajian. Sorotan kajian lepas akan membincangkan mengenai CSR dan i-CSR, matlamat SDG 2030 dan miskin rentan. Kajian ini menggunakan metode temu bual bagi memperoleh data yang diperlukan dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

KAJIAN LEPAS

Pelaksanaan CSR dalam Perbankan Islam

Dalam Islam, aktiviti perniagaan ini telah dianggap sebagai satu tanggungjawab yang perlu dipenuhi untuk memastikan kebajikan ekonomi masyarakat terpelihara. Melalui pelaksanaan CSR, entiti perniagaan matlamat tersebut dapat dicapai. Perbankan Islam sebagai salah satu entiti perniagaan turut bertanggungjawab dalam memastikan matlamat kebajikan ekonomi dan keadilan sosial dipenuhi. Perubahan-perubahan seperti globalisasi, krisis ekonomi, inovasi dalam bidang kewangan dan kemunculan teknologi baru telah mengubah aktiviti perniagaan sektor perbankan (Musdiana, Mohamad Salleh, Nabsiah, & Abdul Wahid, 2012). Krisis kewangan yang berlaku secara dasarnya telah mengurangkan tahap keyakinan masyarakat atau pelanggan terhadap sistem kewangan. Situasi ini secara tidak langsung turut memberi kesan yang buruk kepada imej institusi kewangan. Bagi mengembalikan keyakinan masyarakat dan menaikkan kembali imej syarikat, institusi kewangan telah melibatkan diri secara aktif dalam pelaksanaan CSR.

Bursa Malaysia telah menyediakan kerangka CSR yang perlu diikuti oleh syarikat korporat. Berdasarkan kerangka ini, terdapat empat kategori aktiviti CSR yang telah dilaksanakan oleh institusi kewangan di Malaysia iaitu alam sekitar, persekitaran tempat kerja, masyarakat dan pasaran (Musdiana et al., 2012). Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh institusi kewangan bagi kategori alam sekitar ialah kempen-kempen kesedaran berkaitan kitar semula, penanaman semula pokok, projek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan, pengawalan pencemaran alam, pemeliharaan spesies haiwan terancam, membiayai projek-projek teknologi hijau dan sebagainya. Selain itu, institusi kewangan dalam laporan CSR masing-masing turut memberi perhatian terhadap para pekerja mereka dengan menyediakan persekitaran tempat kerja yang baik. Persekitaran tempat kerja yang baik akan memberi manfaat kepada para pekerja sama ada dalam jangka masa pendek atau pun panjang. Antara bentuk aktiviti yang dilakukan di bawah kategori ini ialah menyediakan latihan kepada para pekerja, tajaan penyelidikan, penjagaan kesihatan dan keselamatan serta jaminan terhadap hak-hak pekerja (Musdiana et al., 2012).

Institusi kewangan Islam khususnya perbankan Islam perlu melaksanakan tanggungjawab sosial korporat bukan hanya untuk memperoleh manfaat ekonomi jangka panjang tetapi lebih kepada kepatuhan terhadap prinsip-prinsip Islam. Setiap entiti yang membawa nama Islam secara dasarnya perlu bertanggungjawab secara sosial sebagaimana dijustifikasikan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Tiga prinsip asas utama dalam pembentukan tanggungjawab sosial korporat Islam (i-CSR) ialah khalifah/khilafah, tanggungjawab ketuhanan (*divine accountability*) dan amar makruf nahi mungkar. Ketiga-tiga prinsip ini menekankan bahawa setiap individu perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing. Perbankan Islam sebagai salah satu organisasi yang mewakili individu tidak terlepas dari menunaikan tanggungjawab sosial mereka. Perbankan Islam sebagai sebuah sektor korporat amat digalakkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti CSR dalam perniagaan mereka. Perbankan Islam ditubuhkan dengan tujuan memenuhi keperluan sosial dan bukan hanya untuk mendapatkan keuntungan. Antara contoh aktiviti-aktiviti CSR yang dilaksanakan oleh perbankan Islam seperti sumbangan (kewangan atau bukan kewangan), aktiviti kesukarelaan, penyediaan produk yang beretika, kempen-kempen kesedaran dan penjagaan alam sekitar (Bakar & Yusof, 2016; Musdiana et al., 2012; Sujana, 2013). Aktiviti CSR yang dijalankan ini secara tidak langsung memenuhi matlamat penubuhan perbankan Islam.

Terdapat dua sebab yang memerlukan perbankan Islam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka. Menurut Sayd Farook (2015), perbankan Islam melaksanakan CSR bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah kepada umat Islam dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat. Tuntutan fardu kifayah memerlukan perbankan Islam untuk memenuhi ruang lingkup tanggungjawab yang lebih luas yang tidak boleh tercapai oleh orang perseorangan. Dalam erti kata yang lain, perbankan Islam bertindak sebagai sebuah badan korporat yang mewakili individu melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersifat organisasi seperti pelaburan dan persyarikatan. Perbankan Islam sebagai sebuah entiti korporat mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi keadilan pengagihan melalui transaksi-transaksi yang dilakukan.

Selain itu, bank Islam perlu terlibat secara aktif dalam aktiviti CSR sebagai satu cara memastikan kemandirian perniagaan mereka. Malah, sesetengah sarjana berpendapat bank Islam perlu menggunakan model bank sosial dalam melaksanakan CSR (Shifa, Ruzita, & Zizah, 2016). Selain itu, Tuhin, (2014) menyatakan bahawa, bank Islam perlu memilih item yang betul untuk aktiviti CSR mereka bagi memastikan kelangsungan hidup perniagaan untuk jangka panjang. Para sarjana turut mencadangkan supaya CSR diintegrasikan dalam kerangka yang lebih luas bagi mencapai matlamat yang lebih holistik (Fatimah Noor Rashidah & Rusnah, 2016). Perbankan Islam mempunyai potensi yang besar dalam mendidik individu dan masyarakat supaya mempraktikkan elemen keadilan dalam segenap aspek kehidupan berdasarkan kedudukannya sebagai sebuah institusi contoh. Tindakan yang dilakukan oleh perbankan Islam akan memberikan impak yang mendalam kepada individu, organisasi lain dan masyarakat secara amnya.

Aplikasi Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) Berdasarkan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) telah diperkenalkan semasa sidang kemuncak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada September 2015. Sebanyak 192 negara termasuk Malaysia telah menerima agenda Pembangunan Lestari yang mempunyai 17 matlamat dan 169 sasaran (Economic Planning Unit, 2021; Roshayani, Ruhaini, Ramesh, & Idora, 2018). SDGs merupakan satu set matlamat, sasaran, dan petunjuk baru yang digunakan oleh negara anggota PBB untuk merangka agenda dan dasar politik mereka dalam tempoh 15 tahun (2016 – 2030). SDGs akan merangsang tindakan negara-negara anggota dalam bidang-bidang kritikal meliputi 5 dimensi iaitu rakyat, planet, kemakmuran, keamanan dan perkongsian (Unit Perancangan Ekonomi, 2020). 17 matlamat yang ingin dicapai dalam agenda SDG ialah:

Jadual 1: 17 Matlamat Dalam Agenda SDG 2030 (Economic Planning Unit, 2021)

| | | |
|---|--|---|
| 1. Tiada kemiskinan | 2. Kelaparan sifar | 3. Kesihatan baik dan kesejahteraan |
| 4. Pendidikan bermutu | 5. Kesamarataan jantina | 6. Air bersih dan sanitasi |
| 7. Tenaga berpatutan dan bersih | 8. Pekerjaan layak dan pembangunan ekonomi | 9. Industri, inovasi dan infrastruktur |
| 10. Mngurangkan ketidaksamarataan | 11. Bandar dan masyarakat mapan | 12. Penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab |
| 13. Tindakan iklim | 14. Kehidupan dalam air | 15. Kehidupan di darat |
| 16. Keamanan, keadilan dan pertubuhan kukuh | 17. Kerjasama demi matlamat | |

Pengenalan SDG ini memberi inspirasi kepada semua pihak termasuk pemegang taruh utama pasaran kewangan global dan dalam negara untuk memberi perhatian terhadap penyediaan perkhidmatan yang berimpak dan lestari kepada masyarakat. Perkhidmatan yang berimpak dan lestari tidak hanya terhad kepada kesejahteraan sosial sahaja tetapi mengambil kira aspek kedinamikan aktiviti kewangan yang boleh meningkatkan alam sekitar, ekonomi dan pendidikan rakyat (Nur Farhah et al., 2019). Di Malaysia, penggunaan aktiviti pelaburan yang lestari telah bermula dengan pembangunan awal industri dana Islam pada tahun 1980-an. Prinsip Islam yang diterapkan dalam institusi perbankan Islam adalah selari dengan inisiatif berasaskan nilai dan fokus utama perbankan Islam ialah penawaran produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang memenuhi keperluan pelanggan untuk perkhidmatan kewangan patuh Syariah yang bebas daripada unsur-unsur larangan seperti riba dan spekulasi (Roshayani et al., 2018). Industri kewangan Islam terutamanya sektor perbankan Islam telah berkembang dengan progresif sejak penubuhan bank Islam pertama pada 1983. Aset perbankan Islam telah berkembang secara positif dan jauh lebih baik daripada perbankan konvensional bahkan The Fitch Rating menjangkakan bahawa separuh daripada aset perbankan Malaysia dalam dekad akan datang adalah dari perbankan Islam (Wan A'tirah & Romzie, 2020). Perbankan Islam di Malaysia telah berkembang pesat dengan pembentukan dan penawaran produk-produk kewangan yang berdaya saing bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat yang semakin meningkat.

Walaupun perbankan Islam terus mencatatkan peningkatan dalam kadar pertumbuhan tahunan, namun berlaku penurunan kadar pertumbuhan tahunan yang ketara pada tahun 2016 (8.2%) dari 24.2% pada tahun 2011. Penurunan yang sangat ketara itu memberi isyarat kepada industri kewangan Islam untuk menyelaraskan semula fokus mereka dengan tidak hanya tertumpu kepada penyediaan produk dan perkhidmatan patuh syariah sahaja. Industri kewangan Islam perlu mengambil kira aspek penciptaan nilai dalam setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan bagi mengekalkan pertumbuhan dan kelestarian perbankan Islam dalam pasaran kewangan yang kompetitif (Roshayani et al., 2018). Pengenalan inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) oleh Bank Negara Malaysia adalah inisiatif yang bertepatan dalam menangani isu ini (Wan A'tirah & Romzie, 2020). Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) merupakan kertas kerja strategik yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengukuhkan peranan dan impak kewangan Islam. Kertas kerja strategi ini dibangunkan bersama oleh BNM, beberapa buah perbankan Islam terpilih dan pemegang taruh utama perbankan Islam (Ahmad Yani, Latifa Bibi, Ahmad Fatin, Nur Izzati, & Shahida, 2020). Inisiatif baru BNM ini diwujudkan bukan hanya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga untuk membolehkan perbankan Islam mempunyai lebih banyak penyertaan dalam kesejahteraan sosial masyarakat sebagai sebahagian daripada matlamat syariah yang perlu dicapai (Rusni & Fatimah, 2019). Pelaksanaan VBI adalah penting dalam menjadikan sektor perbankan Islam ejen yang terkemuka bagi membawa perubahan yang positif dalam sistem kewangan dan beroperasi dalam rangkaian ekonomi yang dibina berdasarkan nilai integriti, keterangkuman dan kelestarian (Bank Negara Malaysia, 2018). VBI juga penting bagi perbankan Islam dalam memenuhi maqasid syariah melalui pelbagai bentuk strategi yang dirancang.

VBI memberi tumpuan kepada peranan pengantara kewangan institusi kewangan Islam dalam memberikan impak positif dan lestari kepada masyarakat manakala SDGs secara khusus memberi tumpuan kepada matlamat yang telah ditetapkan dan pencapaian yang diharapkan dari matlamat tersebut. Oleh itu matlamat SDGs bersifat sekular yang sesuai dengan sistem kapitalis namun kurang konsisten dengan matlamat syariah. Objektif syariah atau maqasid syariah adalah lebih holistik dan tidak terhad hanya kepada 17 matlamat sebagai mana digariskan dalam

agenda SDGs (Nur Farhah et al., 2019). Nilai sebenar pengantaraan kewangan Islam ialah memberikan masalah kepada pemegang taruh mereka dengan cara yang saling memberi manfaat dan mengelakkan kemudaratan (dharar) sesuai dengan matlamat utama yang digariskan dalam maqasid syariah. Oleh itu, peranan perbankan Islam mestilah sentiasa konsisten dan selari dengan maqasid syariah. Walaupun SDGs boleh menjadi sebahagian daripada VBI, pertimbangan yang teliti perlu diambil bagi mengelakkan unsur-unsur yang bertentangan dengan Syariah.

Konsep dan Pengertian Golongan Miskin Rentan

Kemiskinan merupakan halangan bagi kesejahteraan ekonomi. Kemiskinan menjadi satu fenomena global di mana 40% dari 7 bilion penduduk dunia berhadapan dengan masalah ini. Walaupun Malaysia tidak tergolong dalam negara miskin, namun isu kemiskinan masih lagi menjadi satu ancaman kepada negara. Statistik menunjukkan Malaysia telah berjaya mengurangkan insiden kemiskinan tegar pada paras 0.2% pada tahun 2012 hasil daripada program-program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan. Walaupun kadar kemiskinan tegar berada pada paras yang terkawal, Malaysia masih mengalami isu kemiskinan bandar dan kemiskinan relatif atau ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan.

Isi rumah di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur memerlukan pendapatan bulanan antara RM4700 (tanpa anak) hingga RM6700 (seorang anak) untuk hidup dalam keadaan selesa. Kos sara hidup yang tinggi di bandar menjadikan golongan ini lebih tertekan berbanding golongan miskin luar bandar. Situasi ini berlaku disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup yang tidak sejajar dengan peningkatan kadar upah. Pandemik yang melanda dunia juga telah melebarkan lagi jurang ketidaksamarataan dan ketidakseimbangan sosioekonomi (Unit Perancangan Ekonomi, 2021). Jurang sosioekonomi yang luas ini akan menimbulkan pelbagai masalah ekonomi, sosial dan kestabilan negara.

Kemiskinan tidak lagi boleh dinilai hanya menggunakan Purata Garis Kemiskinan (PGK). Ini kerana, dimensi kemiskinan di Malaysia sudah berubah dari satu dimensi kemiskinan kepada pelbagai dimensi. Dimensi kemiskinan bukan lagi kemiskinan mutlak tetapi telah berubah kepada kemiskinan relatif (Laily, 2017). Kemiskinan ini juga tidak lagi hanya tertumpu di kawasan luar bandar bahkan kemiskinan di bandar adalah jauh lebih membimbangkan. Langkah kerajaan Malaysia menyemak semula ukuran kemiskinan adalah amat bertepatan dengan situasi semasa yang melanda negara sekarang. Semakan semula had PGK amat diperlukan dalam menyingkap realiti kemiskinan di sebalik kemajuan yang dicapai negara (Syahir, 2020). Pentakrifan yang tepat dapat membantu kerajaan merancang dan melaksanakan program pembasmian kemiskinan yang berkesan bagi setiap kategori.

Walaupun kadar kemiskinan mutlak dalam negara semakin berkurang pada 2019 sebanyak 5.6% berbanding 7.6% pada 2016, namun kemiskinan relatif semakin meningkat. Sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai miskin relatif jika pendapatan isi rumahnya berada di bawah had kemiskinan relatif. Had kemiskinan relatif ini bergantung kepada bentuk taburan semasa pendapatan isi rumah pada tahun rujukan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah memberi gambaran awal mengenai impak Covid-19 terhadap isi rumah di Malaysia.

Kadar kemiskinan telah meningkat dari 5.6% kepada 8.4% pada tahun 2020 dengan kira-kira 640,000 isi rumah berada di dalam kemiskinan. Laporan tersebut turut menunjukkan bahawa 78,000 isi rumah berada di dalam kemiskinan tegar iaitu mereka yang meraih pendapatan

kurang daripada pendapatan garis kemiskinan untuk makanan. Seluruh lapisan masyarakat terkesan akibat bencana kesihatan dan ekonomi ini dimana purata pendapatan isi rumah jatuh sebanyak 10.3% kepada RM7,089. Manakala pendapatan penengah isi rumah pula susut 11.3% kepada RM5,209 sebulan. Pendapatan yang diraih isi rumah penengah ini adalah lebih rendah berbanding pendapatan yang diperoleh pada tahun 2016. Pekali Gini yang mengukur jurang ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan isi rumah di Malaysia juga menunjukkan peningkatan. Pekali Gini telah meningkat dari 0.407 pada tahun 2019 kepada 0.411 pada tahun 2020 (Ekonomi Rakyat, 2021).

Terdapat pelbagai faktor yang membawa kepada kemiskinan dalam negara. Antara faktor yang mewujudkan kemiskinan dalam negara ialah peningkatan kos sara hidup (Wan Noor Hayati, 2019), sistem ekonomi dan kewangan yang berasaskan riba atau hutang (Mohd Nazari, 2019), kegagalan dasar kerajaan, sikap individu yang malas berusaha, faktor usia, kurang keupayaan fizikal (Kartini, 2016) dan yang terkini penularan wabak secara global yang telah membantutkan kegiatan ekonomi dunia (Nur Hasliza, 2020). Pengklasifikasian kemiskinan tidak hanya terhad kepada kemiskinan bandar atau kemiskinan luar bandar. Terdapat satu klasifikasi baru kemiskinan iaitu kemiskinan rentan yang boleh diistilahkan sebagai golongan yang boleh 'jatuh miskin' atau kurang kemampuan dalam sekelip mata akibat pemberhentian kerja, hilang upaya, keberhutangan dan kehilangan ketua keluarga (Syahir, 2020; Wan Noor Hayati, 2019).

Takrifan rentan berbeza mengikut disiplin. Dalam konteks ekonomi, rentan atau kerentanan difokuskan kepada risiko isi rumah untuk jatuh miskin. Kerentanan adalah ketidakupayaan untuk mengekalkan tahap penggunaan dan pada masa yang sama mengekalkan tahap minimum harta apabila berhadapan dengan kejutan pendapatan (Laily, 2017). Golongan miskin rentan merujuk kepada isi rumah yang hilang kemampuan atau menjadi miskin disebabkan oleh faktor yang tidak dijangka dan tanpa mereka bersedia menghadapinya. Kemiskinan rentan kini menjadi satu isu baru yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa. Situasi ekonomi yang tidak menentu ditambah dengan pandemik yang melanda dunia membawa kepada peningkatan golongan miskin rentan dalam negara. Sekiranya tidak dibendung, isu kemiskinan rentan ini akan semakin lama semakin membarah dalam masyarakat.

METODOLOGI

Pengumpulan Data

Sumber data kualitatif bagi kajian ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu data primer dan data sekunder. Kaedah temu bual sebilangan responden yang berautoriti dan penelitian terhadap dalil-dalil berkaitan CSR dan i-CSR akan digunakan untuk memperoleh data primer. Dengan data sekunder pula akan diperoleh menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kaedah dokumentasi. Kaedah-kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data berkaitan konsep CSR dan i-CSR. Maklumat dan data yang diperoleh akan meliputi ijthad para ulama' dan amalan kontemporari perundangan Islam.

Kajian Perpustakaan dan dokumentasi

Melalui kajian perpustakaan dan dokumentasi, maklumat berkaitan teori dan konsep CSR dan i-CSR diperoleh dari data primer yang terdiri daripada al-Quran dan al-Sunnah serta buku, jurnal, artikel, tesis, penulisan-penulisan ulama terdahulu. Data pertama yang diperolehi adalah

dalil-dalil berkaitan CSR dan i-CSR yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dalil-dalil yang diperoleh dari kedua-dua sumber primer ini menentukan prinsip-prinsip Islam yang sesuai untuk dibangunkan sebagai mekanisme i-CSR. Dalam kajian ini, ayat-ayat al-Quran berkaitan instrumen pembiayaan dan kebajikan Islam digunakan bagi menyokong keabsahan konsep i-CSR.

Di samping itu, penelitian terhadap laporan kewangan tahunan perbankan Islam juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan pendedahan tanggungjawab sosial korporat (*corporate social disclosure*), laporan tanggungjawab sosial korporat (*corporate social reporting*), penyata sumber dan penggunaan dana zakat, infak dan Qard al-Hasan oleh perbankan Islam.

Siri Temu bual

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang melibatkan penyediaan panduan temu bual yang memuatkan senarai soalan yang ingin ditanya. Soalan-soalan ini dibina berdasarkan tema yang dikenal pasti berdasarkan sorotan kajian lepas dan juga teori-teori yang berkaitan. Responden yang dipilih untuk ditemu bual dipilih berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive samples*). Kaedah temu bual separa berstruktur dipilih dalam kajian ini kerana lebih bersifat fleksibel dan memudahkan informan menghuraikan apa yang difikirkan kepada penyelidik tanpa terikat dengan format jawapan tertentu.

Pemilihan responden

Data kualitatif kajian diperoleh daripada siri temu bual bersama responden yang terdiri daripada pihak berautoriti seperti i) pengamal industri yang terdiri daripada pegawai-pegawai syariaah dan pegawai eksekutif di institusi perbankan terpilih, dan ii) ahli akademik dari Universiti Awam Malaysia. Metode ini digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat secara terus dari individu yang terpilih. Oleh kerana kajian ini melibatkan tinjauan terhadap pengaplikasian prinsip kewangan di perbankan Islam, maka kaedah pensampelan bertujuan (*purposive samples*) dipilih kerana kaedah ini dapat menjawab objektif kajian berkaitan permasalahan yang dikaji. Bilangan responden yang ditemu bual ditentukan berdasarkan kecukupan maklumat (*saturated point*) yang diperoleh serta respons mereka terhadap kata kunci kajian ini. Oleh itu, responden yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada ahli akademik dan pengamal industri. Antara kriteria responden yang dipilih ialah:

Jadual 2: Kriteria Pemilihan Responden

| Responden | Kriteria dan Pemilihan Responden |
|-------------------|---|
| Ahli akademik. | <ul style="list-style-type: none"> i. Memiliki latar belakang pendidikan pengajian Islam terutamanya bidang syariaah ii. Pengkhususan dalam bidang ekonomi Islam atau perbankan Islam atau muamalat. |
| Pengamal industri | <ul style="list-style-type: none"> i. Ahli Lembaga Syariah bagi Perbankan Islam atau Pegawai syariaah, ii. Pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pembentukan produk di perbankan Islam, iii. Pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan program CSR bagi bank |

Informan yang dipilih mempunyai pengetahuan berkaitan muamalat atau produk dan operasi perbankan atau pelaksanaan CSR di institusi masing-masing. Bilangan informan ditentukan berdasarkan pembahagian di atas sehingga data yang diperoleh mencapai titik tepu. Creswell (2007) mencadangkan antara 5 hingga 25 orang informan untuk ditemu bual manakala Morse

(1999) mencadangkan sekurang-kurangnya 6 orang informan perlu ditemu bual bagi mencapai titik tepu dalam pengumpulan data. Seramai enam orang informan telah ditemu bual dalam kajian ini. Empat orang informan terdiri daripada ahli akademik yang juga penasihat syariah bagi perbankan Islam terpilih dan dua informan adalah eksekutif bank yang terlibat secara langsung dengan pengoperasian bank. Senarai dan maklumat informan dinyatakan dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3: Senarai dan Maklumat Informan


| Informan | Kod | Kategori |
|------------|-----|---------------------------------------|
| Informan 1 | i-1 | Ahli akademik/ penasihat Syariah bank |
| Informan 2 | i-2 | Ahli akademik |
| Informan 3 | i-3 | Ahli akademik/ penasihat Syariah bank |
| Informan 4 | i-4 | Ahli akademik/ penasihat Syariah bank |
| Informan 5 | i-5 | Eksekutif bank |
| Informan 6 | i-6 | Eksekutif bank |

Analisis Data

Data-data yang telah dikumpulkan dalam fasa kualitatif dan fasa kuantitatif dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Dapatan kajian ini merangkumi aktiviti CSR sedia ada, bentuk pembiayaan oleh bank, keperluan terhadap pembiayaan kewangan sosial dan mekanisme i-CSR yang bersesuaian untuk golongan miskin rentan.


Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Data yang diperolehi melalui kajian dokumentasi dan temu bual dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti version 8. Data temu bual yang telah di transkrip diasingkan mengikut kategori tema yang telah ditetapkan berdasarkan soalan kajian. Data ini dianalisis menggunakan analisis kandungan berdasarkan perkataan (*word-based content analysis*) dan pendekatan berasaskan kod (*code based approach*). Antara kod yang diberi perhatian semasa proses pengekodan adalah pelaksanaan CSR oleh perbankan Islam, elemen-elemen i-CSR, konsep dan amalan VBI, dan bentuk program berorientasikan keusahawanan untuk golongan miskin rentan.

Hasil temu bual yang diperolehi dalam bentuk teks umum diproses bagi mendapatkan kod-kod yang lebih spesifik. Dua bentuk pengekodan yang dilakukan dalam kajian ini ialah *emergent coding* (kod yang terhasil selepas penelitian transkrip) dan *priori coding* (kod yang tersedia berdasarkan teori atau persoalan kajian). Kod yang diperolehi menggunakan emergent coding ialah pembiayaan mikro, wakaf, Qard al-Hasan dan miskin rentan, manakala kod yang telah tersedia berdasarkan persoalan kajian ialah CSR, i-CSR. Oleh kerana kajian ini menjadikan persoalan kajian sebagai asas pembinaan kod maka kajian ini dianalisis menggunakan metode deduktif. Semua data terkumpul dinilai menggunakan teknik dan ciri pengekodan dalam Atlas.ti. Himpunan kod-kod bersifat konseptual yang diperolehi dijadikan asas dalam membentuk rangka kerja berstruktur berkaitan CSR dan i-CSR. Tiga langkah yang dilakukan bagi menganalisis data menggunakan Atlas.ti untuk kaedah ini ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Langkah Analisis Data Secara Deduktif Menggunakan Atlas.ti

Penelitian terhadap kajian lepas dilakukan menggunakan Atlas.ti bagi mendapatkan lapisan pertama data berkaitan CSR dan i-CSR. Lapisan pertama data ini diperoleh menggunakan fungsi pengekodan dalam Atlas.ti iaitu 'open code'. Contoh kod yang dikeluarkan dari kajian lepas ialah 'pinjaman tanpa faedah', 'tabarru', 'keuntungan' dan 'pembiayaan mikro'. Data yang telah dikodkan disusun mengikut 'konsep-konsep' yang bersesuaian dengan objektif kajian. Data yang disusun mengikut 'konsep' dihubungkan dan disusun dalam aturan yang logik bagi menyediakan penjelasan teoretikal kepada kajian ini. Proses ini diulang sehingga terbentuk lapisan-lapisan data dalam berbagai 'konsep' yang berkaitan dengan kajian. Lapisan data ini dikategorikan dalam kategori yang sesuai dan dianalisis sehingga mencapai titik tepu sama ada dalam 'konsep', 'kategori' atau 'teoretikal'. Kaedah ini ditunjukkan dalam Rajah 2.




Rajah 2: Langkah Analisis Data Kajian Secara Induktif Menggunakan Atlas.ti

PEMBENTUKAN MEKANISME I-CSR OLEH PERBANKAN ISLAM

Bagi mencapai matlamat kelestarian kewangan bagi golongan miskin rentan, kajian ini dilakukan untuk:

- (i) Menyiasat mekanisme CSR yang digunakan dalam perbankan Islam di Malaysia
- (ii) Menganalisis potensi mekanisme i-CSR dalam membantu golongan miskin rentan mendapatkan pembiayaan dari perbankan Islam dan

Hasil penelitian yang dilakukan, berikut adalah mekanisme i-CSR yang dicadangkan untuk perbankan Islam:



Rajah 3: Mekanisme i-CSR

Berdasarkan rajah 3 di atas, pelaksanaan CSR oleh perbankan Islam tidak hanya tertumpu kepada aspek material semata-mata bahkan menjangkau elemen kerohanian sebagaimana yang digariskan oleh syariah Islam. Elemen seperti kebajikan dan kemaslahatan masyarakat dititik beratkan tanpa menafikan keperluan dan kehendak individu. Kepatuhan kepada syariah menjadikan Muslim lebih peka dengan nilai etika, akhlak dan moral dalam kehidupan mereka. Syariah Islam menyediakan sistem nilai dan etika yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia. Oleh sebab itu, pelaksanaan CSR tidak boleh dipisahkan dengan sistem nilai yang telah ditetapkan oleh syariah Islam. Selain itu, inisiatif CSR perlu mengambil kira pemeliharaan lima objektif maqasid syariah (agama, nyawa, akal, maruah dan harta) mengikut peringkat masalah (dharuriyah, hajiyyah dan tahsiniyyah) dalam pelaksanaannya.

Terdapat empat peringkat utama aktiviti CSR yang dijalankan oleh perbankan Islam iaitu tanggungjawab ekonomi, tanggungjawab undang-undang, tanggungjawab etika dan tanggungjawab filantropi. Aktiviti CSR di bawah empat peringkat tanggungjawab ini perlu difokuskan kepada empat kelompok pemegang taruh iaitu di tempat kerja, pasaran niaga, masyarakat dan alam sekitar. Setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh bank tertumpu kepada

empat kelompok utama pemegang taruh ini, di mana bank perlu bertanggungjawab secara ekonomi, dan undang-undang kepada pemegang taruh di tempat kerja dan pasaran niaga. Di samping itu, bank juga perlu memastikan operasi perniagaan yang patuh syariah dan beretika akan memberi manfaat kepada semua kelompok pemegang taruh. Tanggungjawab etika dan filantropi ditumpukan kepada pelaksanaan CSR untuk pemegang taruh masyarakat dan alam sekitar. Oleh sebab itu, perbankan Islam di saran melaksanakan setiap peringkat piramid tanggungjawab sosial Islam mengikut kelompok pemegang taruh supaya aktiviti CSR yang dijalankan bersifat menyeluruh dan memberi manfaat kepada semua.

Pelaksanaan i-CSR di setiap perbankan Islam adalah berbeza antara satu sama lain bergantung kepada kumpulan sasaran dan jumlah dana yang dimiliki oleh bank. Namun secara umumnya, program-program i-CSR di institusi perbankan Islam melibatkan pemberian dan inisiatif berbentuk kewangan dan juga bukan kewangan (i-1, i-3, i-5 dan i-6). Program dan aktiviti i-CSR yang dilaksanakan oleh bank akan disusun bersesuaian dengan keperluan dan kehendak pemegang taruh masing-masing. Setiap bank mempunyai pemegang taruh yang berbeza dan khusus bagi bank mereka sendiri (i-1, i-2, i-4, & i-6).

Secara umumnya pemegang taruh bagi bank Islam terdiri daripada empat kelompok iaitu masyarakat, tempat kerja (*workplace*), alam sekitar dan pasaran (*market place*). Aktiviti CSR yang dirancang dan dilaksanakan oleh bank akan tertumpu kepada empat kelompok utama pemegang taruh ini walaupun setiap bank mempunyai pemegang taruh yang khusus bagi bank masing-masing. Kelompok pemegang taruh yang menjadi fokus utama pelaksanaan CSR oleh bank Islam ialah masyarakat. Masyarakat secara umumnya mempunyai hak untuk menerima manfaat daripada kebertanggungjawaban bank (Ismail, Alias, & Rasdi, 2015). Bank Islam sebagai satu entiti dalam komuniti bertanggungjawab untuk membangunkan masyarakat dalam ruang lingkup operasi perniagaannya. Bentuk program CSR yang telah dilaksanakan oleh bank-bank Islam Malaysia boleh diperhatikan dalam jadual 4 berikut:

Jadual 4: Program CSR oleh perbankan Islam.

| Jenis dan bentuk program CSR | Sasaran |
|--|---|
| Sumbangan kewangan dan bantuan barangan | Fakir, miskin, golongan B40, para pelajar sekolah dan IPT, masyarakat umum |
| Sumbangan zakat dan wakaf | Asnaf zakat dan masyarakat umum |
| Pembinaan dan pembaikan bangunan, rumah, peralatan dan kenderaan | Fakir, miskin, asnaf zakat, pertubuhan kebajikan, institusi pendidikan, masyarakat umum |
| Program latihan, kemahiran dan kem motivasi | Asnaf zakat, anak yatim, pelajar, masyarakat umum |
| Gotong-royong | Masyarakat umum, institusi, pertubuhan kebajikan. |
| Program penajaan pendidikan | Sekolah dan institusi pengajian tinggi |
| Program keusahawanan dan pemerksaan ekonomi | Wanita, OKU, golongan B40, masyarakat umum |

Secara umumnya, pelaksanaan CSR oleh bank Islam membantu meningkatkan kebajikan dan sosioekonomi masyarakat setempat. Namun begitu, pelaksanaan sedia ada CSR oleh perbankan Islam perlu ditambah baik agar lebih produktif dan mapan. Aktiviti seperti bantuan pembiayaan kepada industri mikro berupaya meningkatkan taraf hidup masyarakat termasuk golongan miskin rentan (*unbankable customer*) agar tiada individu atau pihak yang tercicir dalam mengejar arus kemodenan negara. Golongan rentan pada kebiasaannya sering mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan dari bank atas faktor ketidakmampuan mereka

membayar balik pinjaman. Namun, golongan ini tidak boleh dipinggirkan atas ketidakmampuan tersebut kerana setiap individu berhak untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Oleh sebab itu, perbankan Islam mempunyai peluang untuk mengubah nasib golongan ini melalui pelaksanaan i-CSR.

Penawaran produk berasaskan tabarru' seperti Qard al-Hasan berupaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara. Ini kerana, di kebanyakan negara terutamanya Malaysia terdapat banyak perusahaan-perusahaan mikro dan kecil yang secara signifikannya menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan. Perusahaan bersaiz mikro ini pada kebiasaannya diusahakan oleh individu yang berusaha keluar dari kepompong kemiskinan. Perusahaan mikro dan kecil ini boleh beroperasi menggunakan dana modal yang kecil. Namun realitinya pengusaha-pengusaha ini mengalami kesukaran mendapatkan dana pembiayaan dari institusi kewangan disebabkan oleh saiz perusahaan mereka. Kebanyakan institusi kewangan lebih berkeyakinan terhadap syarikat-syarikat yang memiliki portfolio dan pelan kewangan yang stabil dan mantap. Oleh sebab itu, peluang bagi pengusaha mikro dan kecil memperoleh bantuan modal adalah kecil.

Sebagaimana yang telah diketahui, penawaran produk pembiayaan oleh bank-bank Islam di Malaysia ini kebanyakannya mengguna pakai prinsip *al-mudarabah*, dan *al-musyarakah* serta *al-musyarakah mutanaqissah*. Manakala untuk pembiayaan peribadi, prinsip yang sering digunakan ialah *bay' al-'inah*, dan *tawarruq*. Prinsip-prinsip yang diguna pakai oleh perbankan Islam ini adalah berbentuk komersial, sesuai dengan operasi bank sebagai sebuah entiti perniagaan. Oleh itu, menjadi satu keperluan kepada institusi perbankan untuk menawarkan produk berasaskan kebajikan bagi memenuhi keperluan golongan miskin rentan. Penggunaan mekanisme i-CSR yang bersesuaian boleh membantu perbankan Islam mencapai matlamat kebajikan sosial dan kesejahteraan ekonomi masyarakat. Secara tidak langsung, perbankan Islam dapat membantu dalam mengurangkan kadar kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi dan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Mekanisme i-CSR dalam bentuk bantuan pembiayaan mikro boleh ditawarkan kepada golongan miskin rentan. Bank Islam boleh membantu golongan miskin rentan memulakan perniagaan dengan menyediakan modal permulaan kepada mereka (Wan Noor Hazlina & Anita, 2015). Golongan rentan ini kebiasaannya mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan komersial disebabkan oleh kurang kelayakan dan ketidakmampuan mereka membayar pinjaman. Golongan ini dianggap golongan yang berisiko meningkatkan kadar NPL bank yang secara tidak langsung akan menjejaskan pendapatan dan prestasi bank. Oleh sebab itu, pembiayaan mikro di bawah akad tabarru' menjadi satu jalan bank membantu golongan ini mendapatkan perkhidmatan kewangan. Sebagai contoh, BIMB di bawah Sadaqa House telah menyediakan pembiayaan mikro BangKIT bagi membantu golongan miskin rentan mendapat pembiayaan (i-6). Pembiayaan Mikro BangKIT adalah program yang menyediakan pembiayaan mikro mampu milik kepada segmen masyarakat yang kurang berkemampuan dan tidak layak memohon kemudahan pembiayaan perbankan biasa tetapi memerlukan modal kerja dan/atau pembiayaan untuk perbelanjaan modal (Norajila, Mohd Faizal, Wan Noor Hazlina, & Nuruul Hidayah, 2021). Melalui pembiayaan mikro BangKIT, peminjam tidak hanya menerima bantuan kewangan bahkan juga turut diberikan latihan perniagaan berbentuk praktikal di samping mentor yang berkebolehan bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan dan mengekalkannya (Bank Islam Malaysia Berhad, 2021).

Penawaran produk kewangan sosial berasaskan mekanisme CSR berupaya membantu golongan miskin rentan untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Aktiviti perniagaan yang dijalankan

akan menjadi alat untuk meningkatkan taraf hidup mereka yang akhirnya akan dapat membantu lebih ramai lagi kelompok masyarakat yang memerlukan melalui perniagaan yang semakin berkembang tersebut (i-6). Selain itu, mekanisme i-CSR dalam bentuk dana zakat, wakaf, sedekah dan Qard Hasan perlu dimobilisasi secara efektif supaya masalah-masalah sosial yang berlaku dapat diselesaikan dan kadar kemiskinan dalam negara dapat dikurangkan. Bank Islam boleh memperkenalkan produk-produk yang inovatif seperti pembiayaan mikro berasaskan Qard Hasan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana sebagai salah satu produk CSR mereka (i-4). Pinjaman kebajikan yang diberikan boleh membantu golongan miskin rentan memperoleh pembiayaan dari bank Islam dengan lebih mudah berbanding pinjaman bersifat komersial (i-6). Oleh kerana asas akadnya adalah pinjaman (Qard), maka para peminjam masih perlu membayar semula pinjaman tersebut. Namun tiada sebarang tambahan dikenakan atas pinjaman tersebut dan pihak bank tidak terlalu menekan peminjam dengan pinjaman tersebut (i-3, i-4, dan i-6). Golongan miskin rentan boleh menggunakan pinjaman tersebut untuk mengubah taraf hidup mereka melalui kegiatan keusahawanan.

PENUTUP

Pelaksanaan i-CSR oleh bank-bank Islam di Malaysia pada dasarnya adalah selari dengan syariat Islam. Bank Islam melaksanakan CSR bukan sekadar untuk tujuan ekonomi sahaja, tetapi menjangkau lebih dari aspek material semata-mata. Elemen spiritual dan kerohanian menjadi pendorong kepada bank Islam melaksanakan CSR. Kesedaran mengenai tugas dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah, ketakwaan kepada Allah SWT, dan unsur ukhuwah sesama Islam menjadikan pelaksanaan CSR oleh perbankan Islam adalah lebih holistik kerana kejayaan sebenar seseorang individu dan sesebuah organisasi adalah al-Falah iaitu kejayaan di dunia dan juga di akhirat.

Selain itu, bank Islam di Malaysia juga telah melaksanakan program CSR mereka seiring dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Bursa Malaysia menetapkan bahawa pelaksanaan CSR oleh setiap syarikat di Malaysia mestilah difokuskan kepada empat kelompok pemegang taruh iaitu tempat kerja, pasaran niaga, masyarakat dan alam sekitar. Bank Islam di Malaysia secara keseluruhannya menjalankan aktiviti dan program CSR mereka berdasarkan keperluan dan kepentingan setiap kelompok ini. Setiap pemegang taruh bank diberi perhatian melalui program-program yang dilaksanakan sesuai dengan keperluan dan kepentingan masing-masing. Secara umumnya, bentuk utama pelaksanaan CSR oleh bank Islam adalah dalam bentuk monetari dan juga non-monetari iaitu pemberian, derma, biasiswa, sumbangan, tajaan program dan aktiviti, dan pemeliharaan alam sekitar. Setiap aktiviti CSR yang dijalankan dan dilaksanakan oleh bank Islam secara umumnya memberikan impak kepada setiap pemegang taruh secara keseluruhannya.

Komitmen bank Islam di Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dapat dilihat melalui pendanaan program-program CSR oleh setiap bank. Setiap bank Islam telah menyediakan sejumlah peruntukan khusus untuk aktiviti CSR mengikut kapasiti kemampuan bank masing-masing. Selain itu, setiap bank juga mempelbagaikan platform untuk mendapatkan sumber dana yang mencukupi bagi melaksanakan program CSR mereka. Sumber dana CSR oleh bank Islam diperoleh samada dari peruntukan khas bank, mewujudkan tabung atau akaun khas CSR, membuat kolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan, *crowdfunding* dan dana zakat. Penggunaan dana CSR yang optimum akan memastikan setiap program CSR dapat dilaksanakan dengan lebih mapan dan menyeluruh kepada semua pemegang taruh.

Bagi memastikan pelaksanaan CSR terus mapan dan lestari, bank Islam perlu proaktif dalam membangunkan mekanisme i-CSR berasaskan zakat, wakaf, sedekah dan Qard al-Hasan. Ini kerana, mekanisme-mekanisme ini berpotensi untuk diintegrasikan ke dalam inisiatif CSR oleh perbankan Islam di Malaysia dan akan memberikan manfaat kepada pemegang taruh bank terutamanya kepada golongan miskin rentan mendapat peluang ekonomi yang sama sebagai mana segmen masyarakat yang lain. Penawaran produk CSR yang lebih efektif akan membantu bank melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dengan lebih mapan dan berterusan untuk jangka masa yang lama. Secara tidak langsung, perbankan Islam juga akan mencapai matlamat penubuhannya iaitu kebajikan sosial dan kesejahteraan ekonomi kepada seluruh pemegang taruh amnya dan masyarakat khususnya.

RUJUKAN

- Ahmad Yani, I., Latifa Bibi, M. H., Ahmad Fatin, M. S., Nur Izzati, J., & Shahida, S. (2020). Value Based Intermediation and Interconnection of Sustainable Development Goals in Islamic Banking Framework. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 3(1), 45–56. Retrieved from <http://ijiefer.kuis.edu.my/ircief/article/view/11>
- Ali Syukron. (2015). CSR dalam Perspektif Islam dan Perbankan. *Jurnal Ekonomi Dan Hukum Islam*, 5(1), 1–22.
- Bakar, F. A., & Yusof, M. A. M. (2016). Managing CSR initiatives from the Islamic perspective: The case of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Pengurusan*, 46.
- Bank Islam Malaysia Berhad. (2021). Pembiayaan Mikro BangKIT – Bank Islam Malaysia Berhad. Retrieved August 11, 2021, from Bank Islam Malaysia Berhad website: <https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/pembiayaan-mikro-bangkit/>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Value-based Intermediation : Strengthening the Roles and Impact of Islamic Finance*. Kuala Lumpur.
- Creswell, J. W. (2007). Qualitative Inquiry & Research Design: choosing among five approaches. In *Sage Publications, Inc.* (Vol. 2).
- Economic Planning Unit. (2021). Sustainable Development Goals | Official Portal of Economic Planning Unit. Retrieved July 29, 2022, from Economic Planning Unit, Prime Minister's Department website: <https://www.epu.gov.my/en/sustainable-development-goals>
- Ekonomi Rakyat. (2021, August 18). Kadar Kemiskinan Naik Kepada 8.4% Pada 2020, Ketidaksamaan Semakin Melebar | Ekonomi Rakyat. *Ekonomi Rakyat*. Retrieved from <https://ekonomirakyat.com.my/kadar-kemiskinan-naik-kepada-8-4-pada-2020-ketidaksamaan-semakin-melebar/>
- Fatimah Noor Rashidah, M. S., & Rusnah, M. (2016). Corporate Social Responsibility (CSR) and Islamic Banks : A Synthesis of Literature Review. *International Conference on Accounting Studies (ICAS)*, (August). <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.04.058>
- Ismail, M., Alias, S. N., & Rasdi, R. M. (2015). Community as stakeholder of the corporate social responsibility programme in Malaysia : outcomes in community development. *Social Responsibility Journal*. <https://doi.org/10.1108/SRJ-05-2013-0053>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019*. Retrieved from

https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=120&bul_id=TU00TmRhQ1N5TUxHVWN0T2VjbXJYZz09&menu_id=amVoWU54UT10a21NWmdhMjFMMWcyZz09

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Kenyataan Media Statistik Tenaga Buruh Malaysia, Suku Pertama dan Mac 2022*. Kuala Lumpur.
- Kartini, A. T. (2016). Dilemma Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Akademika*, 86(02), 65–78. <https://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Laily, P. (2017). *Kemiskinan dan Kerentanan: Penelitian Konsep dan Pengukuran dalam Era Revolusi Industri 4.0*. Serdang: Penerbit UPM.
- Lukman, R., Ashok, P., & Ismail, A. (2014). Corporate Social Responsibility , Waqf System and Zakat System as Faith-based Model for Poverty Reduction. *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, 10(3), 228–242. <https://doi.org/10.1108/WJEMSD-09-2013-0052>
- Mahaizura, A. M. (2021). Ringan Beban Miskin Bandar. Retrieved August 9, 2021, from Harian Metro website: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/698789/ringan-beban-rentan-bandar>
- Mohd Nazari, I. (2019). Masalah Kemiskinan di Malaysia: Punca dan Penyelesaian. *Astro Awani*, pp. 1–13. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/masalah-kemiskinan-di-malaysia-punca-dan-penyelesaian-216007>
- Morse, J. M. (1999). Qualitative methods: The state of the art. *Qualitative Health Research*, 9(3), 393–406. <https://doi.org/10.1177/104973299129121938>
- Musdiana, Mohamad Salleh, Nabsiah, & Abdul Wahid. (2012). Corporate Social Responsibility (CSR) in Malaysian Banking Industry: An Analysis through Website of Six Banking Institutions. *Elixir Marketing Management*, 50, 10225–10234.
- Nazarali, S. (2021). “Miskin bandar lagi susah.” *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/672171/miskin-bandar-lagi-susah>
- Norajila, C. M., Mohd Faizal, P. R., Wan Noor Hazlina, W. J., & Nuruul Hidayah, M. (2021). Kelestarian Kewangan Sosial Golongan Miskin Rentan Melalui Mekanisme I-CSR Berasaskan Qard Al-Hasan. *Journal of Business Innovation*, 6, 15–26. Retrieved from Qard al-Hasan, i-CSR, miskin rentan
- Norhidayati, N. M. (2017). Potensi dan Peranan Program Berorientasikan Perniagaan dan Keusahawanan dalam Membasmi Kemiskinan di Malaysia. In *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)* (pp. 684–691). Retrieved from http://eprints.usm.my/41162/1/ART_94.pdf
- Nur Farhah, M., Nor Razinah, M. Z., & Engku Rabiah Adawiyah, E. A. (2019). Leading towards impactful islamic social finance: Malaysian experience with the value-based intermediation approach. *Al-Shajarah*, 2019(Special Issue Islamic Banking and Finance 2019), 69–87.
- Nur Hasliza, M. S. (2020, December 9). Covid-19 lahirkan golongan ‘miskin baru.’ Retrieved February 8, 2021, from Malaysia Now website: <https://www.malaysianow.com/berita/2020/12/09/covid-19-lahirkan-golongan-miskin-baru-kata-ahli-ekonomi/>
-

-
- Roshayani, A., Ruhaini, M., Ramesh, N., & Idora, B. (2018). Value-based Intermediation for Islamic Banking Institutions Directed Towards Sustainable Development Goals. *International Review of Entrepreneurial Finance*, 1(1), 1–17.
- Rusni, H., & Fatimah, M. N. (2019). Value-Based Intermediation : An Analysis from The Perspective of Shariah And Its Objectives. *International Journal of Fiqh and Usul Al-Fiqh Studies*, 3(1), 81–89. Retrieved from <https://journals.iium.edu.my/al-fiqh/index.php/al-fiqh/article/view/132>
- Sayd Farook. (2015). On Corporate Social Responsibility of Islamic Financial Institutions. *Islamic Economic Studies*, 15(1), 31–46.
- Shifa, M. N., Ruzita, A. R., & Zizah, C. S. (2016). The Potentials of Internalising Social Banking among the Malaysian Islamic Banks. *Environment, Development and Sustainability*, 18(2), 347–372. <https://doi.org/10.1007/s10668-015-9651-0>
- Sujana, A. (2013). Corporate Social Responsibility in Malaysian Banks: Offering Islamic Banking. *Journal.Sapub.Org/Mm*, 3(7), 434–439. <https://doi.org/10.5923/j.mm.20130307.14>
- Syahir, S. (2020, July 15). Menyingkap tirai kemiskinan di Malaysia. Retrieved February 8, 2021, from Sinar Harian website: <https://www.sinarharian.com.my/article/92336/KHAS/Pendapat/Menyingkap-tirai-kemiskinan-di-Malaysia>
- The Star. (2019). VBI to be among drivers for Islamic finance, says Bank Negara | The Star. Retrieved July 23, 2020, from The Star website: <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/01/14/vbi-to-be-among-drivers-for-islamic-finance-says-bank-negara>
- Tuhin, M. H. (2014). Does Corporate Social Responsibility Expenditure Affect Financial Performance of Islamic Banks in Bangladesh ? *Middle East Journal of Business*, 9(2), 44–50. <https://doi.org/10.5742/mejb.2014.92385>
- Wan A'tirah, M., & Romzie, R. (2020). Value-Based Intermediation and Realisation of Maqasid Al-Shariah: Issues and Challenges for Islamic Banks in Malaysia. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance*, 5(2), 34–44. <https://doi.org/10.35631/aijbaf.25003>
- Wan Noor Hayati, W. A. (2019). Faktor Semasa Tingkat Miskin Rentan. Retrieved February 6, 2021, from BH Online website: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/548333/faktor-semasa-tingkat-miskin-rentan>
- Wan Noor Hazlina, W. J., & Anita, M. S. (2015). *Microfinance: Viable Approaches for Islamic Banking Implementation*. 2(3), 197–206.
-